Pada tahun 2003, sebanyak 12 permohonan telah diberi Kebenaran Bertulis untuk mengimport 305,398 tan metrik buangan untuk tujuan penggunaan sebagai bahan mentah Industri (Jadual 5.12). Di samping itu, sejumlah 2,361 tan metrik buangan terjadual telah dieksport (Jadual 5.13 dan Jadual 5.14). Buangan yang dieksport kebanyakannya terdiri daripada mangkin terpakai industri dan enapcemar logam berat daripada 42 pengeluar buangan untuk pemerolehan kembali logam di luar negara.



Gambarfoto 5.9 : Persampelan Rasmi Bahan Yang Disyaki Buangan Terjadual

Photo 5.9 : Formal Sampling of Suspected Scheduled Wastes

SCHEDULED WASTE MANAGEMENT

Written Permission and Licences for Prescribed Premises

A total of eight (8) Written Permissions were granted by the Director General for the construction of prescribed premises for the treatment and disposal of scheduled wastes; five (5) off-site recovery plants and three (3) scheduled waste incinerators.

In 2003, a total of 233 licences were issued for both existing and new facilities for off-site recovery, off-site storage, incinerators, land treatment, off-site treatment, secured landfills and land disposal of wastes.

Import and Export of Scheduled Wastes

In 2003, 12 Written Approvals were issued for the import of 305,398 tonnes of wastes for use as raw materials in industrial processes (Table 5.12) and 2,361 tonnes of scheduled wastes were exported (Table 5.13 and Table 5.14). The exported wastes were derived from 42 waste generators and comprised mainly of spent industrial catalysts and metal hydroxide sludges destined for metal recovery in foreign countries.



Gambarfoto 5.10 : Pelupusan Haram Buangan Yang Disyaki Bahan Buangan Terjadual

Photo 5.10 : Indiscriminate Dumping of Suspected Scheduled Wastes

Jadual 5.12 Jabatan Alam Sekitar: Kuantiti Terjadual yang Diimport , 1999-2003
Table 5.12 Department of Environment: Quantity of Scheduled Wastes Imported, 1999-2003

JENIS BUANGAN TYPE OF WASTES	NEGARA COUNTRY	TAHUN YEAR	1999	2000	2001	2002	2003
Sangga Kuprum Copper Slag	Singapura Singapore		45,382	27,254	36,611	33,945	52,283
	Jepun Japan		12,391	-	-	-	-
	China China		-	-	-	-	-
	Korea Korea		-	-	-	-	-
Sangga Peleburan G.B. Furnace Slag	Singapura Singapore		-	-	90	170	-
	Jepun Japan		-	-	16,054	15,000	234,644
	China China		104,917	93,673	15,622	14,770	17,363
	Korea Korea		-	-	-	-	-
Mangkin Terpakai Spent Catalyst	Singapura Singapore		4,040	4,948	1,565	6,878	1,108
	Jepun Japan		-	-	-	-	-
	China China		-	-	-	-	-
	Korea Korea		-	-	-	-	-
JUMLAH (TAN) TOTAL (TONNES)			166,730	125,875	69,942	70,763	305,398

Jadual 5.13 Jabatan Alam Sekitar: Kuantiti Buangan Terjadual Yang Dieksport ,1999-2003
Table 5.13 Department of Environment: Quantity of Wastes Exported, 1999-2003

JENIS BUANGAN TYPE OF WASTES	TAHUN YEAR	1999	2000	2001	2002	2003
Enapcemar Hidroksida Logam Metal Hydroxide Sludge		2,597	1,678	1,795	1,537	212
Mangkin Terpakai Spent Catalyst		1,846	2,905	816	1,365	693
Kuprum Oksida Copper Oxide		635	-	-	142	1,209
Bahan Letupan Terpakai Used Blasting Material		5	36	19	-	-
Kadmium dan Nikel Oksida Cadmium Nickel Oxide		103	108	-	67	30
Sanga Aluminium Aluminium Dross		-	10	-	-	-
Nikel-Kadmium Bateri Nickel Cadmium Battery		-	-	-	-	217
Kutlet Kaca Glass Cutlet		-	141	45	-	-
JUMLAH (TAN) TOTAL (TONNES)		5,186	4,878	2,675	3,110	2,361

Jadual 5.14 Jabatan Alam Sekitar: Kuantiti Buangan Terjadual Yang Dieksport dan Destinasi, 1999-2003
Table 5.14 Department of Environment: Quantity of Wastes Exported and Destinations, 1999-2003

NEGARA COUNTRY	TAHUN YEAR	1999	2000	2001	2002	2003
Afrika Selatan South Africa		45	-	-	-	-
Amerika America		1,107	753	1,295	533	60
Australia Australia		280	69	-	315	209
Filipina Philippines		1,073	-	532	-	-
Finland Finland		-	-	-	100	23
Belgium Belgium		-	-	-	-	140
Holland Holland		1,266	1,235	487	570	323
Itali Italy		-	-	107	44	28
Jepun Japan		1,103	1,530	68	1,035	1,006
Jerman Germany		80	470	159	128	349
Korea Selatan South Korea		23	-	-	-	118
Perancis France		80	108	-	67	98
Singapura Singapore		27	500	-	169	-
Sweden Sweden		102	203	27	149	7
Switzerland Switzerland		-	10	-	-	-
Jumlah (Tan) Total (Tonnes)		5,186	4,878	2,675	3,110	2,361

PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA

Bagi mengelakkan berlaku kejadian jerebu yang diakibatkan oleh sumber tempatan, maka pada tahun 2003, semua pejabat JAS negeri telah meneruskan operasi rondaan mencegah pembakaran terbuka di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan yang cenderung berlaku kebakaran. Sepanjang tahun 2003, sejumlah 1,148 kes pembakaran terbuka dikesan dan disiasat termasuk *hotspot* yang dikesan melalui satelit (Rajah 5.7 dan Rajah 5.8).

Kejadian pembakaran terbuka yang sering berlaku adalah di kawasan ladang (253), tapak pembinaan (210) dan belukar (202), terutamanya semasa cuaca panas dan kering iaitu pada bulan-bulan Februari (144), Jun (212), Julai (144), dan Ogos (137). Daripada 1148 kes pembakaran terbuka tersebut, 267 kes telah dikompaun sebanyak RM440,300.00 dan dua kes telah dikenakan tindakan mahkamah dan didenda sebanyak RM100,000.00.

ENFORCEMENT AGAINST OPEN BURNING ACTIVITIES

In order to prevent open burning and the occurrence of haze due to local sources, all Department of Environment State Offices conducted daily ground surveillance of fire prone areas in 2003. Throughout the year, a total of 1,148 open burning cases were detected and investigated, including hotspots detected via satellites (Figure 5.7 and Figure 5.8).

Frequent open burning incidents were found to occur in plantations (253); constructions areas (210) and bushes (202), especially during the dry period in February (144); June (212); July (144); and August (137). Out of the 1,148 open burning cases detected, 267 cases were issued compounds amounting to RM440,300.00. Two cases were prosecuted in court and fined a total of RM100,000.00.

Untuk memperkemas lagi instrumen Perundangan bagi mengawal aktiviti pembakaran terbuka, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) 2003, telah diwartakan pada 18 Disember 2003 dan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2004. Lima belas aktiviti pembakaran telah diisytiharkan sebagai bukan pembakaran terbuka sepertimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 selagi aktiviti-aktiviti berkenaan dijalankan mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perintah tersebut. Di bawah Perintah yang sama juga, kawasan dalam lingkungan 30 km jejari di sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah diwartakan sebagai kawasan larangan sebarang aktiviti pembakaran terbuka (selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 29AA, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974) kecuali bagi lima (5) aktiviti iaitu pembakaran tumbuhan berpenyakit, pembakaran benda/bahan sebagai upacara keagamaan, pembakaran mayat, aktiviti gril/barbeku di luar rumah dan pembakaran gas mudah terbakar bagi tujuan *flaring* (Rajah 5.26).

Lesen Pelanggaran

Di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974 Lesen Pelanggaran boleh dikeluarkan untuk tempoh masa yang spesifik bagi membenarkan industri yang menghadapi kesukaran untuk mematuhi standard pelepasan melanggar syarat-syarat yang dibenarkan untuk pelepasan effluen ke dalam pengairan daratan atau pelepasan bendasing udara ke atmosfera sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 25(1) dan Seksyen 22(1), AKAS, 1974. Lesen Pelanggaran ini merupakan satu langkah atau mekanisme untuk membantu, memudah dan membolehkan industri yang bermasalah memasang atau meningkatkan peralatan kawalan pencemaran dalam tempoh masa yang mencukupi.

Pada tahun 2003, jumlah permohonan Lesen Pelanggaran di bawah Seksyen 25, Akta adalah menurun kepada 66 berbanding 87 permohonan dalam tahun 2002 (Rajah 5.9). Dari 66 permohonan, 51 telah diluluskan dan 15 ditolak (Rajah 5.10). Dari 51 Lesen Pelanggaran yang diluluskan, 20 (39%) lesen adalah untuk industri makanan dan minuman;

To further strengthen the legal instrument to control open burning activities, the Environmental Quality (Declared Activities) (Open Burning) Order 2003 was gazetted on 18 December 2003 and came into force on 1 January 2004. Fifteen (15) activities were not classified as open burning as defined in Section 29A of Environmental Quality Act, 1974 so long as such activities are carried out in accordance with the conditions specified in the Order. Under the Order, the area within 30 kilometre radius of the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) was gazetted as a prohibited zone (in accordance with section 29AA EQA, 1974) where open burning activities are totally banned except for five activities which include burning of diseased plant; burning of any articles as part of religious rites; cremation, outdoor grill or barbecue activities and the burning of flammable gases for flaring purposes (Figure 5.26).

Contravention Licenses

Under the Environmental Quality Act, 1974 contravention licenses may be granted for a specific time frame to allow industries with genuine difficulties complying with discharge or emission standards to contravene the acceptable conditions of effluent discharges into watercourses or air emissions into atmosphere as provided for under Section 25(1) and Section 22(1) of the Act. These contravention licenses are meant to assist, facilitate and allow problematic industries adequate time to install or upgrade their pollution control equipment.

In 2003, the total number of applications for Contravention Licenses under Section 25 of the Act decreased to 66 as compared to 87 applications in 2002 (Figure 5.9). Out of the 66 applications, 51 were approved and 15 rejected (Figure 5.10). Of the 51 approved contravention licenses, 20 (39%) licenses were for food and beverages industries; eight (8)

lapangan (8) (16%) untuk industri berasaskan kertas dan enam (6) (12%) untuk industri penyudahan logam dan sadur elektrik. Antara parameter yang sukar dipatuhi oleh industri dan diluluskan dalam Lesen Pelanggaran adalah keperluan oksigen biokimia, keperluan oksigen kimia, pepejal terampai, kadmium, kromium, sianid, plumbum, nikel, zink, boron, besi, fenol, sulfid, minyak dan gris. Penguatkuasaan telah dijalankan terhadap premis-premis yang dilesenkan bagi menentukan paras pematuhan. Pematuhan keseluruhan terhadap syarat-syarat Lesen Pelanggaran yang dikenakan pada tahun 2003 adalah 88%.

PENGAWASAN MELALUI UDARA

Program Pengawasan Melalui Udara diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2003 untuk mengawasi dan mengesan dari udara kejadian pencemaran alam sekitar seperti aktiviti pembakaran terbuka, pelepasan dari industri, pencemaran pantai dan laut dan aktiviti pembukaan tanah dan pembangunan di kawasan tanah tinggi dan pulau-pulau. Maklumat mengenai kejadian pencemaran alam sekitar yang dikesan melalui pengawasan dari udara ini akan disalurkan ke Bilik Operasi JAS untuk diambil tindakan penguatkuasaan susulan oleh pegawai penguatkuasa di lapangan.

Pada tahun 2003, sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program tersebut di mana JAS telah memperolehi perkhidmatan pesawat udara dari Unit Udara Polis Diraja Malaysia, dan dua (2) syarikat swasta di Sabah dan Sarawak.

Sebanyak 464 bilangan penerbangan yang melibatkan 1,392 jumlah jam penerbangan telah dibuat sepanjang tahun 2003. Sebanyak 280 kes pembakaran terbuka telah dikesan melalui program ini di mana 35 kes telah dikenakan kompaun dan dua (2) kes dikenakan tindakan mahkamah.

(16%) for paper-based industries; and six (6) (12%) for metal finishing and electroplating industries. Among the parameters applied for contravention were biochemical oxygen demand, chemical oxygen demand, suspended solids, cadmium, chromium, cyanide, lead, nickel, zinc, boron, iron, phenol, sulphide, oil and grease. Regular enforcement visits were conducted on these contravention cases to monitor the progress of compliance. The overall compliance with the conditions of contravention licenses in 2003 was 88%.

AIRBORNE SURVEILLANCE

The National Airborne Surveillance Programme continued to be implemented in 2003 to monitor and detect environmental pollution such as open burning activities, emission from industries, coastal and marine pollution and land clearing activities for development on highlands and islands. Information obtained would be transmitted to the Department of Environment Operation Room for follow up enforcement action by ground surveillance teams.

For 2003, an allocation of RM3 million was allocated for aircraft services from the Royal Malaysian Police Air Wing and two other private aviation companies in Sabah and Sarawak.

In 2003, 464 flights were carried out with a total of 1,392 flight hours. 280 cases of open burning activities were detected during the surveillance. Out of the 280 cases detected, 35 cases were compounded and two (2) cases were prosecuted in court.

Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 1978

Sepanjang tahun 2003, sebanyak 2,768 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan ke atas 1,925 premis-premis perindustrian (industri pembuatan dan premis yang ditetapkan) yang tertakluk di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan didapati jumlah keseluruhan tahap pematuhan adalah sebanyak 85%. Daripada jumlah ini, didapati industri penyudahan logam/sadur elektrik dan penapisan minyak masak mencapai pematuhan sebanyak 100%, diikuti dengan industri berasaskan kimia dan industri elektronik (99%). Kilang minyak kelapa sawit mentah, kilang padi dan kilang simen merekodkan tahap pematuhan yang rendah (73%; 72%; 64%) (Rajah 5.11). Antara sebab utama yang menyumbang kepada tahap pematuhan yang rendah bagi ketiga-tiga sektor tersebut adalah akibat penggunaan alat kawalan pencemaran yang kurang efisien.

Compliance with the Environmental Quality (Clean Air) Regulations, 1978

Throughout 2003, 2,768 enforcement visits to 1,925 premises (both manufacturing industries and prescribed premises) were conducted. Overall compliance to the Environmental Quality (Clean Air) Regulations 1978 was 85%. Metal finishing/electroplating and edible oil refinery sectors achieved 100% compliance, followed by chemical based and electronics industry (99%). Palm oil mill, rice mill and cement industries recorded a low compliance of 73%, 72% and 64% respectively (Figure 5.11). The main reason for the low compliance level of these three sectors was inefficient pollution control equipment.




Gambarfoto 5.11 : Pengukuran Pencemaran Asap Hitam dari Cerombong Industri


Photo 5.11 : Measurement of Dark Smoke Emission from Industrial Stack




Gambarfoto 5.12 : Ops Asap Bersama Polis Diraja Malaysia
Photo 5.12 : 'Ops Asap' with the co-operation of Royal Malaysian Police




Rajah 5.7 Jabatan Alam Sekitar: Bilangan Kes Pembakaran Terbuka Bulanan, 2003
Figure 5.7 Department of Environment: Number of Open Burning Cases By Month, 2003



Rajah 5.8 Jabatan Alam Sekitar: Bilangan Kes Pembakaran Terbuka Mengikut Negeri, 2003
Map 5.8 Department of Environment: Number of Open Burning Cases By State, 2003




Rajah 5.9 Jabatan Alam Sekitar: Bilangan Permohonan Lesen Pelanggaran Di Bawah Seksyen 25(1) AKAS 1974, (1993 - 2003)
Figure 5.9 Department of Environment: Number of Contravention Licenses Under Section 25(1) EQA1974, (1993 - 2003)



Rajah 5.10 Jabatan Alam Sekitar: Lesen Pelanggaran Di Bawah Seksyen 25(1) AKAS 1974 Mengikut Jenis Industri, 2003

Figure 5.10 Department of Environment : Contravention Licenses Under Section 25(1) By Industry Type, 2003



Rajah 5.11 Jabatan Alam Sekitar: Status Pematuhan Industri-Industri Pembuatan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, 2003

Figure 5.11 Department of Environment : Environmental Quality (Clean Air) Regulations, 1978; Compliance Status, 2003

PUNCA-PUNCA BERGERAK (KENDERAAN BERMOTOR)

Bilangan kenderaan bermotor yang berdaftar di Malaysia sehingga akhir tahun 2003 adalah sebanyak 12,819,248 buah, penambahan sebanyak 797,309 buah kenderaan iaitu (atau 6.22 %) berbanding tahun 2002 (Rajah 5.12).

Dari sejumlah 797,309 buah kenderaan baru yang didaftarkan dalam tahun 2003, kategori motorsikal dan motokar membentuk bilangan yang paling tinggi iaitu masing-masing sebanyak 322,341 unit (atau 40.43%) dan 427,501 unit (atau 53.62%), manakala baki selebihnya sebanyak 47,467 buah (atau 5.95%) adalah dari jenis kenderaan lain termasuk lori, bas, van dan sebagainya.

Taburan bilangan kenderaan bermotor di Malaysia mengikut negeri adalah seperti dalam Rajah 5.13. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih mendahului negeri-negeri lain dengan bilangan kenderaan sebanyak 2.7 juta (atau 21.28%) daripada keseluruhan bilangan kenderaan yang berdaftar di negara ini, diikuti oleh Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Perak.

Kawalan Pelepasan Asap dan Gas dari Kenderaan Bermotor

Pelepasan asap serta gas-gas pencemar seperti karbon monoksida (CO), hidrokarbon (HC), oksida-oksida nitrogen (NOx) serta partikulat (PM) yang dilepaskan melalui ekzos kenderaan bermotor adalah dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

MOBILE SOURCES (MOTOR VEHICLES)

By the end of 2003, there were about 12,819,248 registered motor vehicles in Malaysia, an increase of 797,309 (6.22%) compared to 2002 (Figure 5.12).

Out of these 797,309 new vehicles registered, motorcycles and motorcars made up the highest number 322,341 (40.43%) and 427,501 (53.62%) respectively, while the remaining 47,467 (5.95%) were other vehicle types such as lorries, buses and vans.

The distribution of registered vehicles throughout the States is given in Figure 5.13. The Federal Territory of Kuala Lumpur topped the other States with a vehicle population of 2.7 million (21.28 %), followed by Johor, Selangor, Pulau Pinang and Perak.

Control of Smoke and Gaseous Emissions from Motor Vehicles

Emission of smoke and gaseous pollutants such as carbon monoxide, hydrocarbons, oxides of nitrogen and particulate matters emitted from motor vehicle exhausts are controlled under the Environmental Quality (Control of Emission from Diesel Engines) Regulations 1996 and the Environmental Quality (Control of Emission from Petrol Engines) Regulations 1996.

Kawalan Pelepasan Asap Hitam Dari Kenderaan Diesel

Kawalan pelepasan asap hitam berlebihan dari ekzos kenderaan diesel dilaksanakan melalui Program AWASI (*Area Watch And Sanction Inspection*). Melalui Program AWASI ini, skuad peronda JAS akan menjalankan rondaan dan pemerhatian pelepasan asap hitam dari ekzos kenderaan. Tindakan kompaun akan diambil secara serta merta kepada pemandu dan tuan punya kenderaan yang didapati gagal mematuhi had pelepasan asap 50 Unit Asap Hartridge (HSU); kompaun serta perintah larangan menggunakan kenderaan di jalan raya akan dikeluarkan sekiranya kenderaan didapati melepaskan asap hitam melebihi 70 HSU.

Sepanjang tahun 2003, sebanyak 1,267 operasi penguatkuasaan AWASI telah dilaksanakan di bandar-bandar di seluruh negara. Dalam operasi tersebut, sebanyak 108,574 buah kenderaan diesel telah diperiksa. Dari jumlah tersebut, sebanyak 4,373 buah kenderaan telah disaman kerana gagal mematuhi had 50 HSU, manakala 1,554 daripadanya telah dikenakan perintah larangan. Pemuatan keseluruhan pelepasan asap hitam dari kenderaan diesel adalah sebanyak 96% (Rajah 5.14, Rajah 5.15). Tindakan mahkamah telah juga diambil ke atas 78 pemilik kenderaan kerana gagal menjelaskan kompaun yang telah dikenakan.

Sebagai tambahan pula, satu program penguatkuasaan baru, iaitu program penguatkuasaan keatas kenderaan diesel di sepanjang lebuh raya dan jalan utama di seluruh negara telah dilaksanakan oleh JAS. Di bawah program ini, pemeriksaan ke atas kenderaan telah dilaksanakan oleh penguatkuasa JAS selama tiga hari sepanjang lebuh raya. Upacara perasmian program Kempen Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel Sepanjang Lebuh raya dan Jalan Utama Seluruh Negara peringkat Kebangsaan telah disempurnakan oleh Y.B. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Malaysia pada 25 Ogos 2003 di Plaza Tol Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Control of Black Smoke Emission from Diesel Vehicles

The control of excessive black smoke emission from diesel vehicle exhausts was implemented through the AWASI (*Area Watch And Sanction Inspection*) Programme. Through this programme, the Department of Environment mobile squads would be on patrol, observing and testing diesel vehicles belching excessive smoke. On-the-spot compounds were issued to drivers and owners of vehicles which failed the stipulated smoke limit of 50 HSU, and when the smoke limit exceeded 70 HSU, Prohibition Orders (prohibiting vehicle usage) were issued.

In 2003, a total of 1,267 AWASI enforcement programmes were conducted within cities throughout the country in 2003. Some 108,574 diesel vehicles were visually inspected, of which 4,373 vehicles were summoned for failing to comply with the 50 HSU smoke limits. Out of this, 1,554 vehicles were issued with Prohibition Orders and were only allowed back on the road after rectification and retesting by the Department of Environment. The overall percentage of compliance for diesel vehicles was 96% (Figure 5.14 , 5.15). Court action was also taken against 78 vehicle owners for failing to settle the compounds issued.

In addition, a new enforcement programme conducted along highways and main roads was also introduced by the Department of Environment. Under this programme road side vehicle inspections were carried out simultaneously by all Department of Environment State Offices for three consecutive days. The National Campaign on Control of Black Smoke Emission from Diesel Vehicles along Highways and Main Roads was launched by the Honourable Deputy Minister of Science, Technology and the Environment at the Sungai Besi Toll Plaza, Kuala Lumpur on 25 August 2003.

Dua kempen telah dilaksanakan secara serentak oleh semua pejabat-pejabat JAS negeri pada tahun 2003. Melalui kempen tersebut sebanyak 20,274 kenderaan diesel telah diperiksa, di mana 1,317 telah disaman dan 289 telah dikenakan perintah larangan menggunakan kenderaan (Rajah 5.16).

Kawalan Pelepasan Gas CO dan HC Dari Kenderaan Petrol

Pada tahun 2003, JAS meneruskan kempen kawalan pelepasan gas dari kenderaan petrol. Sejumlah 5,401 buah kenderaan petrol telah diuji pelepasan CO dan HC dengan menggunakan metergas *CO-HC Analyzer* (kaedah 'ujian idling') di jalan raya. Daripada jumlah ini, 4,035 kenderaan telah mematuhi had CO dan HC; sementara 1,366 kenderaan pula gagal untuk mematuhi had tersebut. Peratus pematuhan secara keseluruhannya adalah 74.71%. Notis amaran telah dikeluarkan kepada pemandu-pemandu kenderaan supaya segera memperbaiki kenderaan mereka untuk memastikan had pelepasan yang ditetapkan oleh undang-undang dipatuhi.

Ujian Kelulusan Jenis (Kenderaan Petrol)

Pada tahun 2003, Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan sebanyak 36 Sijil Ujian Kelulusan Jenis bagi model-model baru kenderaan yang akan dipasarkan di pasaran Malaysia seperti dikehendaki dibawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekililing (Kawalan Pelepasa Daripada Enjin Pertol) 1996. Peraturan-peraturan ini menetapkan jisim Karbon Monoksida yang dibenarkan hendaklah tidak melebihi 2.2 g/km, manakala kombinasi Hidrokarbon dan Nitrogen Oksida pula hendaklah tidak melebihi 0.5g/km.

Two such simultaneous campaigns were carried out in 2003. From the above campaigns, a total of 20,274 diesel vehicles were inspected, 1,317 vehicles were summoned and 289 were issued with Prohibition Orders (Figure 5.16).

Control of CO and HC Gas Emissions from Petrol Vehicles

Throughout 2003, the campaign on control of gas emissions from petrol vehicles was continued. A total of 5,401 petrol-powered vehicles were tested for CO and HC gas emissions using the CO-HC gas analyzer (idling test method) at the roadside. From the above total, 4,035 vehicles were able to comply to the stipulated CO and HC limits, while the remaining 1,366 vehicles failed the test. The overall percentage of compliance was 74.71%. Written notices were issued to drivers to take immediate action to ensure compliance.

Type Approval Testing for New Petrol Vehicles

In 2003, the Department Of Environment issued 36 Type Approval Test Certificates for new models to be marketed in Malaysia as required under the Environmental Quality (Control of Emmision From Petrol Engine) Regulations 1996. The Regulations required that Carbon Monoxide shall not exceed 2.2 g/km, while the combination of Hydrocarbon and Nitrogen Oxides shall not exceed 0.5 g/km.

Kemudahan Yang DiLuluskan

Bagi membolehkan orang ramai menghantar kenderaan mereka untuk menjalani ujian pelepasan asap dan gas, Jabatan Alam Sekitar meneruskan program pengiktirafan “Kemudahan Yang Di Luluskan (KYDL)” kepada bengkel-bengkel yang memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan sebagai pusat untuk membaiki kenderaan yang gagal mematuhi undang-undang pelepasan asap.

Sehingga akhir 2003, sebanyak 63 bengkel dan pusat pemeriksaan kenderaan di seluruh negara telah diiktiraf sebagai “Kemudahan Yang Diluluskan” oleh JAS, 33 pusat atau bengkel untuk menguji pelepasan CO dan HC, 15 untuk ujian pelepasan asap hitam kenderaan diesel manakala 15 pula untuk menguji pelepasan asap dan gas dari kenderaan diesel dan petrol.

Kawalan Pelepasan Asap Daripada Motosikal

Pada tahun 2003, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal), 2003 telah diwartakan dan mula dikuatkuasa pada 1 Januari 2004. Peraturan ini telah menggariskan piawai pelepasan seperti berikut :

- Standard Kelulusan Jenis bagi motosikal baru : 97/24/EC
- Standard pelepasan(idling) bagi motosikal terpakai: 4.5 % CO (Karbon Monoksida)

Di bawah peraturan ini, pengimport motosikal adalah dikehendaki mematuhi standard pelepasan berkuatkuasa 1 Januari 2005 bagi model baru dan 1 Julai 2005 bagi model sedia ada, manakala pembuat tempatan dikehendaki mematuhi standard pelepasan berkuatkuasa 1 Julai 2005 bagi model baru dan 1 Julai 2006 bagi model sedia ada.

Establishment of Approved Testing Facilities

To facilitate convenient public access to workshops for smoke and gaseous emission testing, the Department of Environment gave accreditation to a number of workshops that had fulfilled the prescribed criteria as “Approved Testing Facilities” and as repair centres for non-complying vehicles.

By end of 2003, a total of 63 workshops and vehicle testing centers throughout the country were registered as “Approved Testing Facilities” by the Department of Environment; 33 for testing CO and HC emissions from petrol vehicles, 15 for testing of black smoke emissions from diesel vehicles and 15 for testing of smoke and gaseous emission from both petrol and diesel vehicles.

Control of Emission from Motorcycles

In 2003, the Environmental Quality (Control of Emission from Motorcycles) Regulations 2003 were gazetted and came into force on 1 January 2004. The emissions standards adopted are as follows:

- Type Approval Emission Standard for new motorcycles: 97/24/EC
- Idling Emission Standard for in-use motorcycles: 4.5% CO(Carbon Monoxide)

Motorcycle importers would be required to comply with the new emission standards effective from 1 January 2005 for new models and 1 July 2005 for current models, while local manufacturers would have to comply with the new emission standards effective from 1 July 2005 for new models and 1 July 2006 for current models.

Bunyi Bising Kenderaan Bermotor

Pelepasan bunyi bising daripada kenderaan bermotor dikawal di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Bermotor) 1987.

Operasi penguatkuasaan bagi mengawal pelepasan bunyi bising dari kenderaan bermotor telah dilaksanakan secara bersama oleh pejabat-pejabat JAS Negeri dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (Cawangan Trafik). Sepanjang tahun 2003, sejumlah 1,869 kenderaan motosikal telah ditahan untuk menjalani ujian pelepasan bunyi bising. Dari jumlah ini, 227 telah disaman kerana melanggar had bunyi bising yang dibenarkan. Peratus pematuan secara keseluruhannya ialah 87.85% (Rajah 5.17).


Ujian paras bunyi ke atas motosikal baru yang dipasang telah juga dilaksanakan oleh kesemua lima syarikat pemasang motosikal di negara ini (Rajah 5.18). Pada tahun 2003, sejumlah 2,409 buah motosikal baru yang meliputi 30 model yang berlainan telah diuji di kilang pemasang. Semua motosikal berkenaan didapati mematuhi had pelepasan bunyi bising yang telah ditetapkan.

Noise from Motor Vehicles


The control of noise from motor vehicles is enforced under the Environmental Quality (Motor Vehicle Noise) Regulations 1987.

Enforcements campaigns to control excessive noise from motor vehicles were jointly conducted by the DOE and the Traffic Police. In 2003, a total of 1,869 motorcycles were checked for noise pollution. From the above total, 227 motorcyclists were summoned for violating the stipulated noise limits. The overall percentage of compliance was 87.85% (Figure 5.17).


Noise level testing on new motorcycles was also conducted by all the five motorcycle assembly plants in the country (Figure 5.18). In 2003, a total of 2,409 newly assembled motorcycles from 30 different models were tested in their respective assembly plants. All the new motorcycles tested were found to be in compliance with the stipulated noise limit.




Rajah 5.12 Malaysia: Bilangan Kenderaan Bermotor Mengikut Jenis, 2003
Figure 5.12 Malaysia: Number of Motor Vehicles According to Type, 2003




Rajah 5.13 Malaysia: Bilangan Kenderaan Bermotor Mengikut Negeri, 2003
Figure 5.13 Malaysia: Number of Motor Vehicles According to State, 2003




Rajah 5.14 Jabatan Alam Sekitar: Penguatkuasaan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan, Diesel (Kompaun dan Peratus Pematuhan), 1993-2003
Figure 5.14 Department of Environment: Diesel Vehicle Black Smoke Enforcement, (Compound and Percentage of Compliance), 1993-2003




Rajah 5.15 Jabatan Alam Sekitar: Penguatkuasaan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel Mengikut Jenis Kenderaan, 2003
 Figure 5.15 Department of Environment: Diesel Vehicle Black Smoke Enforcement According To Vehicle Type, 2003



Rajah 5.16 Jabatan Alam Sekitar: Penguatkuasaan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel Mengikut Negeri, 2003
Figure 5.16 Department of Environment: Diesel Vehicle Black Smoke Enforcement, Summons According to State, 2003



Rajah 5.17 Jabatan Alam Sekitar: Penguatkuasaan Bunyi Bising Daripada Motosikal, 1993-2003
Figure 5.17 Department of Environment: Motorcycle Noise Enforcement, 1993-2003



Rajah 5.18 Jabatan Alam Sekitar: Ujian Pelepasan Bunyi Bising Motosikal Daripada Syarikat Pemasang Motosikal, 1999-2003
Figure 5.18 Department of Environment: Noise Testing by Motorcycle Assemblers, 1999-2003

TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Pendakwaan

Pada tahun 2003, sejumlah 129 premis/syarikat telah didakwa dan disabitkan kesalahan oleh mahkamah dengan melibatkan denda berjumlah RM1,901,300.00 untuk kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Rajah 5.19 dan Rajah 5.20). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 55 (43%) kes mahkamah merupakan kesalahan mencemar perairan daratan melalui pengeluaran effluen melebihi had yang ditetapkan dibawah Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekitar (AKAS) 1974. Terdapat 5 (29%) kes mahkamah yang melibatkan kesalahan pembakaran terbuka dengan jumlah denda sebanyak RM100,000.00.

Kompaun

Sejumlah 3502 kompaun telah dikeluarkan pada tahun 2003 kepada premis dan syarikat untuk pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 2,320 (66%) kompaun adalah kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan dari Enjin Diesel) 1996; 450 (13%) kompaun adalah kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989; 384 (11%) kompaun adalah kesalahan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan sebanyak 348 (10%) kompaun adalah kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 (Rajah 5.21 dan Rajah 5.22).

Perintah Larangan

Perintah Larangan yang dikenakan ke atas sesuatu premis atau kilang merupakan langkah terakhir dalam tindakan penguatkuasaan setelah tindakan-tindakan lain seperti arahan, notis, kompaun dan tindakan mahkamah diambil kepada pihak premis atau pekilang. Bagi tahun 2003, tiada premis atau kilang yang dikenakan perintah larangan.

LEGAL ACTIONS

Prosecution


In 2003, a total of 129 premises or companies were taken to court and fined a total of RM1,901,300.00 for offences under the Environmental Quality Act, 1974 (Figure 5.19 and 5.20). Out of the total number of cases, 55 (43%) cases involved offences for polluting inland waters through discharges of effluent above the stipulated standard under Section 25(1) of the Environmental Quality Act (EQA) 1974. For open burning offences, 5 (29%) cases were prosecuted and fined a total of RM100,000.00.

Compounds


A total of 3,502 compounds were issued in 2003 to premises and companies for various offences under the Environmental Quality Act (EQA), 1974. Out of this total, 2,320 (66%) were offences under the Environmental Quality (Control of Emission from Diesel Engines) Regulations 1996; 450 (13%) were offences under Environmental Quality (Schedules Wastes) Regulations 1989; 384 (11%) for offences under Section 29A of the Environmental Quality Act (EQA) 1974; and the remaining 348 (10%) were offences under the Environmental Quality (Clean Air) Regulations 1978 (Figure 5.21 and 5.22).

Prohibition Order

A Prohibition Order would be issued only as a last resort after other means of enforcement action such as directives, notices, compounds and court prosecution had been taken on the premises or companies. In 2003, no prohibition order was issued against any premises.




Rajah 5.19 Jabatan Alam Sekitar: Bilangan Kes Mahkamah, 1993-2003
Figure 5.19 Department of Environment: Number of Court Cases, 1993-2003




Rajah 5.20 Jabatan Alam Sekitar: Bilangan Kes Mahkamah dan Jumlah Denda, 2003

Figure 5.20 Department of Environment: Number of Court Cases and Fines Collected, 2003



Rajah 5.21 Jabatan Alam Sekitar 2003: Kompaun dibawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan Seksyen 29A AKAS 1974,
Figure 5.21 Department of Environment 2003: Compounds under Environmental Quality (Clean Air) Regulations 1978 and Section 29A EQA 1974,



Rajah 5.22 Jabatan Alam Sekitar, 2003: Kompaun di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989
Figure 5.22 Department of Environment, 2003: Compounds under Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations 1989

PENGADUAN AWAM

Pada tahun 2003, sejumlah 2,324 aduan pencemaran alam sekitar telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar, iaitu peningkatan sebanyak 120 (52%) aduan berbanding dengan tahun 2002 (Rajah 5.23). Daripada jumlah keseluruhan aduan, sebanyak 1,784 kes aduan telah disiasat dan tindakan telah diambil di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekitar (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan yang berkaitan oleh Pejabat Jabatan Alam Sekitar Negeri. Sementara itu, 540 kes aduan telah dirujuk untuk tindakan agensi lain yang berkaitan.

Pada tahun 2003, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terus menerima aduan yang tertinggi iaitu sebanyak 374 (16%) kes; diikuti oleh Selangor sebanyak 314 (14%) kes; dan Pulau Pinang sebanyak 262 (11%) kes. Wilayah Persekutuan Labuan menerima aduan yang paling sedikit iaitu sebanyak 21 (1%) kes (Rajah 5.24).

Seperti tahun-tahun yang sebelumnya, bilangan aduan pencemaran yang tertinggi adalah berkaitan pencemaran udara sebanyak 1,641 (71%) kes; 281 (12%) kes berkaitan pencemaran air; 123 (5%) kes berkaitan pencemaran bunyi; dan 80 (3%) kes berkaitan pelupusan haram buangan terjadual (Rajah 5.25).



Gambarfoto 5.13 : Siasatan Aduan Pencemaran bersama Y.B Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Photo 5.13 : Investigation of Public Complaint together with the Minister of Science, Technology and the Environment

PUBLIC COMPLAINTS


The Department of Environment received 2,324 environmental pollution complaints in 2003, an increase of 120 complaints (52%) compared to 2002 (Figure 5.23). Out of the total number of complaints received, 1,784 cases were handled by the Department of Environment State Offices, while the other 540 cases were referred to other relevant agencies.

In 2003, the Federal Territory of Kuala Lumpur recorded the highest number of complaints 374 (16%); followed by Selangor 314 (14%); and Penang 262 (11%) cases. The Federal Territory of Labuan recorded the least number of complaints with 21(1%) cases (Figure 5.24).


As in previous years, the number of air pollution complaints far exceeded other types of pollution complaints with 1,641 (71%) cases; 281 (12%) water pollution; 123 (5%) noise pollution; and 80 (3%) illegal dumping of scheduled or toxic wastes (Figure 5.25).




Gambarfoto 5.14 : Persampelan Rasmi Pelepasan Effluen Kilang
Photo 5.14 : Formal Sampling of Factory Effluent Discharges




Rajah 5.23 Jabatan Alam Sekitar : Aduan yang diterima, 1993-2003
Map 5.23 Department of Environment : Complaints Received, 1993-2003



Rajah 5.24 Jabatan Alam Sekitar: Bilangan dan Jenis Aduan Mengikut Negeri, 2003
Figure 5.24 Department of Environment: Number and Type of Complaints by State, 2003



Rajah 5.25 Jabatan Alam Sekitar: Jenis Aduan Pencemaran, 2003
Figure 5.25 Department of Environment: Type of Pollution Complaints, 2003



Petunjuk | Legend

- | | | | |
|--|---|--|---|
| | Lingkungan 30km Within 30km | | KLIA |
| | Lebuhraya Tertuju Khas Dedicated Highway | | Lot Tanah Dalam Lingkungan 30km |
| | Lebuhraya B20 Highway B20 | | Lot Within 30km |
| | Lebuhraya Cyberjaya-Putrajaya Highway Cyberjaya-Putrajaya | | Negeri Sembilan |
| | Lebuhraya KL-Seremban (PLUS) Highway KL-Seremban (PLUS) | | Selangor |
| | Lebuhraya SKVE Highway SKVE | | Wilayah Persekutuan Federal Territory |
| | Lebuhraya ELITE Highway ELITE | | |
| | Jalan KLIA 1 KLIA 1 Road | | |
| | Jalan KLIA-Nilai KLIA-Nilai Road | | |
| | Jalan Kuarters KLIA Kuarters KLIA Road | | |
| | Jalan Negeri State Road | | |
| | Jalan Pekeliling Pekeliling Road | | |
| | Jalan Persekutuan Federal Road | | |
| | Lebuhraya Bandar Putrajaya Putrajaya Urban Motorway | | |



Rajah 5.26: Kawasan Larangan Pembakaran Terbuka (30km jejari) di Sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di bawah Seksyen 29A, AKAS, 1974

Figure 5.26: Prohibited Open Burning Zone (30km radius) Surrounding Kuala Lumpur International Airport, under Section 29A, EQA, 1974

Jabatan
Alam Sekitar



BAB / CHAPTER 6



Department of
Environment



KOMUNIKASI STRATEGIK

PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR (SEKOLAH)

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama LESTARI, UKM telah mengadakan satu bengkel pada 13-14 Januari 2003 yang dihadiri oleh 60 peserta untuk memurnikan draf Garis Panduan Ke Arah Pembentukan Sekolah Lestari dengan mengambilkira pandangan daripada pelbagai pihak seperti agensi-agensi Kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan.

Hasil daripada beberapa siri perundingan pada tahun 2003, dokumen Program Sekolah Lestari bertajuk Asas Pembentukan Sekolah Lestari telah diterbitkan. Dokumen ini bertujuan untuk membantu sekolah memperkukuhkan proses pelaksanaan program dan aktiviti pendidikan alam sekitar yang sedia ada. Melalui program ini, pengetahuan, pembangunan kemahiran dan nilai murni alam sekitar dapat diterapkan dalam empat komponen program iaitu Pengurusan, Kurikulum, Kokurikulum dan Penghijauan yang melibatkan pengurusan sekolah, guru-guru, staf am dan pelajar-pelajar sekolah.

Projek Wira Alam

Projek Wira Alam (PWA) yang telah dilancarkan pada 5 Jun 1998 adalah program JAS dengan kerjasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Projek ini dibahagikan kepada tiga (3) tahap iaitu Tahap 1 (Wira Diri); Tahap 2 (Wira Komuniti) dan Tahap 3 (Wira Alam). Setiap pelajar perlu menyelesaikan tugas yang ditetapkan di dalam buku aktiviti Projek Wira Alam setiap tahap sebelum ke peringkat seterusnya.

STRATEGIC COMMUNICATIONS

PROMOTION OF ENVIRONMENTAL AWARENESS (SCHOOLS)

Sustainable School - Environment Award

The Department of Environment with the cooperation of LESTARI, UKM held a workshop on 13-14 January 2003 which was attended by sixty participants to fine-tune the Draft 'Guidelines for the Establishment of Sustainable Schools', taking into account the views and inputs from various parties such as Government agencies, the private sector and Non-Governmental Organizations.

After a number of consultative meetings in 2003, a document entitled "Basis for the Establishment of Sustainable School" was published. The document aims to assist schools in strengthening the implementation of environmental education programmes and activities. Knowledge, skill development and positive environmental values are infused into the four components of the program namely Management, Curriculum, Co-curriculum and Greening activities which will involve the school management, the teaching and general staff as well as the school children.

Wira Alam Project

Launched on 5 Jun 1998, the 'Wira Alam' Project is a DOE initiated programme with the cooperation of the Malaysian Nature Society (MNS) and the Ministry of Education (MoE). The project is divided into three (3) stages namely, Level 1 (Wira Diri); Level 2 (Wira Komuniti) and (Level 3 Wira Alam). Each participating student must complete the tasks provided in the activity book at each level before advancing to the next.

Pada akhir tahun 2003, seramai 8,780 pelajar telah menyertai Tahap 1 (Wira Diri); sejumlah 1,019 pelajar menyertai Tahap 2 (Wira Komuniti) dan 182 pelajar mencapai Tahap 3 (Wira Alam). Kumpulan pertama yang terdiri daripada 21 pelajar dari tiga (3) buah sekolah telah menyempurnakan peringkat Tahap 3 (Wira Alam) dan dianugerahkan sebagai WIRAALAM dalam satu majlis yang dirasmikan oleh Dato' Seri Law Hieng Ding, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

By the end of 2003, a total of 8,780 students had participated at Level 1 (Wira Diri); 1,019 student at Level 2 (Wira Komuniti) and 182 students reached Level 3 (Wira Alam). The pioneer group of 21 students from three schools completed Level 3 and were recognised as WIRA ALAM (Environmental Heroes) in a ceremony officiated by the Minister of Science, Technology and Environment, Dato' Seri Law Hieng Ding.

Nama Name	Sekolah School	Guru Penasihat Advisory Teachers
Ahmad Muzani b. Mat Yoong Fei Yian Norismahita bt. Ismail Noor Ain bt. Roslan Khairul Nizam b. Abdullah Fawzli b. Muhammad Salim	Sek. Men. Keb. Bandar Baru Bangi, Selangor	Pn. Che Maimon
Chung Sze Meang Chung Sze Hui	Sek. Men. Keb. Batu Kawa, Sarawak	En. Arrick Bantin
M. Sabah b. Jumain Hairuddin b. Achmad Rugaya bt. Ali Juriani bt. Mohammad Kasma b. Hj. Habba Siti Hasnawati bt. Amir Suriati bt. Biru Hashim b. Abdul Rahim Salnah bt Arsah Arnoldus Sanga Bayene Taufik b. Hj. AbdulLatif Syarnizi b. Wahadi Haslina bt. Labo	Sek. Men. Keb. Agaseh Lahad Datu, Sabah	En. Suharpi Lasuddung

Satu Bengkel Projek Wira Alam untuk 80 guru-guru penasihat Kelab Pencinta Alam juga telah dianjurkan pada 25- 27 Ogos 2003 di Taman Rimba Templer, Selangor. Bengkel anjuran bersama JAS dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) bertujuan untuk melatih guru berkenaan dengan pelaksanaan aktiviti alam sekitar di bawah Projek Wira Alam di sekolah.

A Wira Alam workshop for 80 advisory teachers from the School Nature Clubs was held on 25-27 August 2003 at Templer Park, Selangor. The workshop was organized by DOE and MNS to assist teachers to be familiarized with the implementation of activities for the Wira Alam Program in schools.



Gambarfoto 6.1 : Majlis Anugerah Wira Alam 2003
Photo 6.1 : Wira Alam 2003 Award Ceremony

Projek Riadah Alam Sekitar (PRIAS)

Program tahunan ini yang bermula sejak 1992 merupakan kerjasama antara Jabatan Alam Sekitar, Persatuan Sains Malaysia (MSA), Tetra Pak (M) Sdn. Bhd. dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Projek ini memerlukan pelajar membuat kajian berdasarkan tema alam sekitar yang dipilih bagi tahun tertentu dan pelajar adalah dikehendaki membuat kajian terhadap perkara tersebut.

Tema PRIAS untuk 2003 ialah 'Kitar Semula Kertas' dan pemenangnya ialah:

Tempat Pertama : Sek. Men (P) Sri Aman,
Petaling Jaya, Selangor
Pelajar : i. Phoong Yoke Xi
ii. Teo Yoke Teng
iii. Lim Yuet Chern
iv. Nor Dalilah Ismail

Hadiah Wang Tunai RM2,500.00, Sijil & Lawatan ke Kilang Tetra Pak di Singapura.

Tempat Kedua : SM Sains Tengku
Muhammad Faris Petra,
Pengkalan Chepa, Kelantan
Pelajar : i. Mohd Rifhan Syahmi B.
Mohd Rusdi
ii. Mohd Aiman Izzat B.
Muhamad



Gambarfoto 6.2 : Model Projek PRIAS bertajuk 'Sisa Pepejal'
Photo 6.2 : PRIAS Project - Solid Waste

Riadah Alam Sekitar (PRIAS) Project

This annual program started since 1992 is a joint environmental initiative between DOE, the Malaysian Scientific Association (MSA), Tetra Pak (M) Sdn. Bhd. and the Ministry of Education (MoE). A specific environmental theme would be selected for the year and participating students would be expected to undertake "research" on the subject.

The theme for PRIAS 2003 was 'Paper Recycling' and the winning entries were from:

1st Place : Sek. Men (P) Sri Aman, Petaling
Jaya, Selangor
Students : i. Phoong Yoke Xi
ii. Teo Yoke Teng
iii. Lim Yuet Chern
iv. Nor Dalilah Ismail

Cash prize of RM2,500.00, Certificates and a visit to the Tetra Pak Factory in Singapore.

2nd Place : SM Sains Tengku Muhammad
Faris Petra, Pengkalan Chepa,
Kelantan
Students : i. Mohd Rifhan Syahmi B.
Mohd Rusdi
ii. Mohd Aiman Izzat B.
Muhamad

- iii. Khairolhida Bt. Ibrahim
- iv. Nurul Nadirah Bt. Ahmad Najmee

